

# WSO iktiraf HSAAS UPM sebagai pusat strok utama di Malaysia

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



**SERDANG, 25 Oktober** - Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Jabatan Neurologi, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) telah menerima Penghargaan Akreditasi daripada World Stroke Organisation (WSO) serta diiktiraf sebagai pusat strok utama bersama Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM), UKM di Malaysia.



Pengarah HSAAS, UPM, Prof. Dr. Hamidon Basri berkata, penyakit strok merupakan penyakit ketiga teratas dalam konteks kematian di Malaysia dan kebanyakan pesakit kami adalah golongan muda tetapi segelintir pesakit mengalami kecacatan.

“Dengan kadar peningkatan pesakit strok di negara, keperluan dan kemahiran pakar dalam bidang ini di hospital awam perlu ditingkatkan untuk membantu mengembangkan pengetahuan berkaitan strok serta memberi rawatan yang berkualiti kepada pesakit,” katanya.

Ketua Program, Prof. Madya Dr. Abdul Hanif Khan berkata, dalam mencapai pengiktirafan ini, terdapat beberapa kriteria yang perlu ada di satu hospital dan HSAAS menepati semua kualiti diperlukan sebagai ‘Advance Stroke Center’.

“Usaha berterusan yang kami lakukan adalah merawat pesakit strok ini perlu pantas, kerana apabila pesakit datang, kami perlu bertindak dengan cepat dan perkara itu juga dilihat oleh WSO.

“Apa yang kami jangka pada masa yang akan datang melalui pengiktirafan ini ialah hospital-hospital lain dalam negara turut mempunyai pusat strok supaya memudahkan pesakit untuk menjalani rawatan,” katanya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kecemasan dari Unit Kecemasan Strok RESQ

(Regional Emergency Stroke Quick Response), UPM, Dr. Iskasymer Itam @ Ismail berkata, tugas utama RESQ ialah sebagai pasukan pelbagai disiplin perubatan yang boleh merawat penyakit akut berpunca dari strok untuk mencapai penghasilan yang baik.

“Ada beberapa cara untuk mempercepatkan proses rawatan, salah satunya ialah dengan menggunakan teknologi ICT yang paling mudah untuk memaklumkan kepada pasukan adanya pesakit strok bagi memudahkan proses yang berikutnya.



“Dengan wujudnya RESQ, kita memberi pilihan kepada pesakit serta memudahkan mereka untuk menjalani rawatan tersebut dan kami juga menerima pesakit dari negeri lain kerana rawatan yang sedia ada,” katanya.

Dalam pada itu, HSAAS UPM turut menganjurkan Sambutan Hari Strok Sedunia 2024 untuk memberi maklumat yang komprehensif tentang langkah-langkah pencegahan, rawatan strok, pendedahan pengesanan awal dan pengurusan risiko strok demi kesejahteraan masyarakat.





## Berita Lain...



**UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar**

[Baca lagi »](#)



**UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...**

[Baca lagi »](#)



**Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam**

[Baca lagi »](#)



**Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15**

[Baca lagi »](#)



## UPM Raih Naib Johan Anugerah Tenaga ASEAN 2025

[Baca lagi »](#)



## Program Mobiliti Outbound Perkukuh Jalinan UPM–UNHAS

[Baca lagi »](#)

## Arkib Berita

### Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



**Universiti Putra Malaysia**

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

+603-9769 1000  
pspk@upm.edu.my

## Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

## Hubungi Kami

Maklum Balas

## Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia